

27 MAY, 2025

Malaysia pimpin ASEAN rintis masa hadapan bandar lestari

Berita Harian, Malaysia



Malaysia pimpin ASEAN rintis masa hadapan bandar lestari

● Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN 2025 menjadi ujian sebenar terhadap keupayaan rantau ini untuk bangkit sebagai kuasa kolektif berani, bertindak melangkaui kepentingan sempit dan merintis masa depan bersama yang lestari

● Malaysia menerajui pembangunan bandar pintar dan berdaya tahan iklim melalui Kerangka Bandar Pintar Malaysia, inisiatif Bandar Rendah Karbon serta perancangan mobiliti bersepadu



Oleh Dr Mohd Muzzammil Ismail
bhrencana@bh.com.my

Ketika ini pemimpin rantau sedang berkumpul di Sidang Kemuncak ASEAN 2025 dengan tema Keterangkuman dan Kelestarian. Malaysia tampil bukan sekadar sebagai peserta, tetapi Pengerusi ASEAN 2025.

Justeru, Malaysia memikul tanggungjawab besar dan memimpin secara strategik semua negara anggota menangan cabaran geopolitik kompleks sambil menerajui peralihan serantau dipercepatkan ke arah masa depan mampan dan pelepasan karbon sifar bersih.

Kepemimpinan Malaysia tahun ini ditandai dengan visi jelas, dasar progresif dan kesedaran kritikal bahawa usaha mengurangkan intensiti karbon sebanyak 45 peratus menjelang 2030 serta mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 sebagai usaha Malaysia menerajui ASEAN menangani perubahan iklim global.

Hal ini bukan lagi satu pilihan, tetapi secara proaktif ia keperluan mendesak untuk kelangsungan masa hadapan serantau.

Fokus utama Sidang Kemuncak ASEAN 2025 di Kuala Lumpur kali ini diharapkan menjadi platform bagi pemimpin, penggubal dasar dan pihak berkepentingan untuk berbincang serta bertukar pandangan mengenai keselamatan sumber dan bekalan tenaga, kepentingan kestabilan geopolitik dan ekonomi global serta perkembangan pesat teknologi hijau dalam pembangunan sektor tenaga.

Krisis berkembar perubahan iklim dan ketegangan geopolitik global merubah landskap ASEAN. Rantau ini semakin terdedah kepada bencana alam seperti banjir, kemarau, kenaikan paras laut yang memberi kesan besar kepada komuniti rentan, keselamatan makanan dan bekalan air.

Pada masa sama, gangguan rantaian bekalan dan ketidakpastian tenaga global menyulitkan daya tahan serta kapasiti penyesuaian kepada tindak balas iklim secara bersama.

Malaysia menerima cabaran ini dengan penuh ketegasan dan komited. Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia lantang memperjuangkan agenda iklim lebih kukuh dan boleh dilaksanakan.

Ini termasuk peralihan tenaga adil, perlindungan biodiversiti serta akses kepada pembiayaan iklim lebih saksama bagi negara anggota yang kurang berkemampuan melalui dasar sedia ada dan hala tuju negara seperti Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP), Strategi Pembangunan Karbon Rendah Jangka Panjang (LT-LEDS).

Juga Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) bagi menggariskan strategi dan tindakan tepat untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) global, terutama dalam sektor ekonomi utama.

Malaysia tidak memilih berundur ke dalam kerangka nasionalisme sempit, sebaliknya memimpin usaha untuk membina daya tahan serantau.

Negara menggerakkan perbincangan mengenai pembangunan pasaran karbon serantau, piawaian persekitaran selaras dan integrasi tenaga boleh

baharu melalui ASEAN Power Grid. Ini bukan sekadar diplomasi tetapi ia satu strategi survival.

Malaysia hab tenaga bersih ASEAN

Pada peringkat nasional, Malaysia membuktikan komitmennya melalui pelbagai dasar strategik. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen (HETR) bukan hanya dokumen perancangan, tetapi pelan pelaburan untuk menjadikan Malaysia hab tenaga bersih ASEAN.

Fokus kepada pembaharuan grid, integrasi tenaga boleh baharu, pembangunan ekonomi hidrogen dan mekanisme pembiayaan inklusif memperlihatkan kesungguhan Malaysia untuk menyahkarbonkan ekonominya sambil menyokong negara jiran.

Dalam aspek urbanisasi, Malaysia menerajui pembangunan bandar pintar dan berdaya tahan iklim melalui Kerangka Bandar Pintar Malaysia, inisiatif Bandar Rendah Karbon serta perancangan mobiliti bersepadu.

Projek seperti Smart Selangor, Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT) bukan sahaja memodenkan sistem pengangkutan awam, tetapi juga mengurangkan pelepasan karbon serta memperkukuh kesalinghubungan.

Malaysia juga mengadaptasi Industri 5.0 melalui dasar seperti MyDIGITAL dan Pelan Induk Teknologi Hijau, memperkasa digitalisasi, automasi lestari dan ekonomi pekeliling, sekali gus memacu transformasi industri ke arah masa depan lebih mampan dan berdaya tahan.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia mengambil peluang ini untuk membawa perubahan struktur berani dalam kerjasama serantau. Malaysia menyeru kepada penyelarasan dasar iklim dalam semua rangka kerja integrasi ekonomi ASEAN serta menekankan keperluan komitmen lebih tegas dan telus dalam pengurangan pelepasan karbon dan perlindungan biodiversiti.

Malaysia juga mengetengahkan keperluan keadilan dalam peralihan iklim. Negara ini sedang mengusahakan akses pembiayaan, pembangunan kapasiti dan pemindahan teknologi bagi negara anggota ASEAN yang masih membangun, agar tiada negara ketinggalan dalam usaha menuju sifar bersih.

Lebih penting, Malaysia menyeru ASEAN untuk tidak hanya bertindak balas kepada perubahan iklim, tetapi menjadi peneraju global.

Ini termasuk menyatukan suara ASEAN di COP29 di Baku, memperjuangkan keadilan iklim, pembiayaan mencukupi dan akses kepada teknologi bersih dari negara maju.

Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN 2025 menjadi ujian sebenar terhadap keupayaan rantau ini untuk bangkit sebagai kuasa kolektif berani, bertindak melangkaui kepentingan sempit dan merintis masa depan bersama yang lestari.

Dengan dasar jelas di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, komitmen teknologi dan kepemimpinan inklusif, Malaysia bukan sahaja memimpin perbincangan, bahkan lebih menjurus kepada memimpin tindakan.

Ketika risiko iklim dan ketidaktentuan geopolitik semakin mendesak, Malaysia membuktikan ASEAN mampu menjadi kuasa perubahan, pembaharuan dan harapan bersama untuk dunia menuju pelepasan karbon sifar bersih.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia lantang memperjuangkan agenda iklim lebih kukuh dan boleh dilaksanakan

